

SOALAN NO: 247

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

RUJUKAN : BL7 [PR-1352-T00821]

SOALAN :

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI
WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan:-**

- (a) laporan Traffic Impact Assessment (TIA) bagi setiap jalan keluar-masuk di kawasan sekitar pembangunan semula Flat Sri Pahang; dan
- (b) laporan Environmental Impact Assessment (EIA) terkini di sekitar kawasan pembangunan Flat Sri Pahang.

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menyemak dan mengkaji Laporan *Traffic Impact Assessment* (TIA) yang dikemukakan oleh perunding bagi pembangunan semula Flat Sri Pahang. Walau bagaimana pun, Laporan TIA yang dikemukakan didapati tidak lengkap, maka DBKL telah meminta pihak perunding menambah baik skop kajian dengan mengambil kira pembangunan-pembangunan di sekitar tapak Flat Sri Pahang.

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai jua, Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) hanya diperlukan bagi pembangunan di tapak baru yang belum dibangunkan lagi dengan keluasan tapak melebihi 50 ekar.